



جَابَاتُنْ مُفْتِي نِگَرِي پَاهَانْج

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 01/2025



KELEBIHAN SYAABAN

31 JANUARI 2025 / 01 SYAABAN 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala

Bulan Syaaban adalah bulan yang berada di antara bulan Rejab dan Ramadan. Bulan ini mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam, yang mana kita disarankan untuk memperbanyakkan ibadah, puasa, dan berdoa kepada Allah Taala.



Salah satu keistimewaan bulan Syaaban adalah amalan berpuasa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering berpuasa pada bulan ini lebih daripada bulan-bulan lain selain bulan Ramadan. Dalam sahih al-Bukhari Saidatina Aisyah ra berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ لَا يَصُومُ، وَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ قَطُّ إِلَّا رَمَضَانَ، وَمَا رَأَيْتُهُ فِي شَهْرٍ أَكْثَرَ مِنْهُ صِيَامًا فِي شَعْبَانَ

Yang bermaksud: *“Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa sehingga kami mengatakan bahawa beliau tidak berbuka, dan beliau berbuka sehingga kami mengatakan bahawa beliau tidak berpuasa. Tidak pernah aku melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyempurnakan puasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan, dan tidak pernah aku melihat beliau berpuasa lebih banyak dalam sebulan selain pada bulan Syaaban.”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasa’i yang bermaksud: *“Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Rabb al-‘Alamin (Allah Taala), maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa”*.



Hadis-hadis ini menunjukkan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam amat menekankan untuk memperbanyakkan amalan puasa pada bulan Syaaban termasuk juga pada hari nisfu Syaaban kerana ia adalah bulan yang mendapat perhatian khusus oleh Allah Azzawajalla. Ini juga menggambarkan betapa pentingnya memanfaatkan bulan ini untuk memperbaiki amalan kita sebelum bulan Ramadan yang mulia. Antara hikmah kita diminta untuk banyak berpuasa pada bulan ini adalah sebagai persediaan dan latihan bagi kita dalam menghadapi bulan Ramadan.

Pada masa yang sama ketua keluarga perlu menasihati isteri dan anak-anak perempuan untuk menggantikan puasa yang ditinggalkan kerana keuzuran sebelum bermulanya bulan Ramadan. Bulan Syaaban inilah peluang terakhir untuk mereka menggantikan puasa sebelum tibanya bulan Ramadan. Perlu diingatkan puasa-puasa sunat selepas pertengahan Syaaban adalah makruh kecuali mereka yang telah mula berpuasa pada separuh awal bulan Syaaban.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Azzawajalla.

Malam pertengahan bulan Syaaban atau dikenali dengan malam Nisfu Syaaban mempunyai kelebihan tertentu dalam memperbanyakkan amal ibadah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Hibban:



يَطَّلِعُ اللَّهُ إِلَى خَلْقِهِ فِي لَيْلَةِ التَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لْجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا

لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ

Yang bermaksud: “Allah Subhanahu wa Ta’ala melihat makhluk-Nya pada malam nisfu Sya’ban kemudian mengampunkan semua makhluk-Nya kecuali orang yang syirik dan juga orang yang bermusuhan”

Dalam hadis ini menunjukkan bahawa Allah Azzawajalla mempunyai sifat keampunan-Nya yang amat luas. Kita dituntut pada malam nisfu Syaaban untuk memperbanyakkan berdoa kepada Allah Taala. Untuk itu, tidak dinafikan bahawa pada malam tersebut mempunyai kelebihan dan padanya terdapat keampunan serta penerimaan yang khusus bagi yang memohon ampun dan yang berdoa kepada-Nya. Hadis ini bertepatan dengan Firman Allah Taala dalam surah al-Nisa’ ayat 48:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ

فَقَدْ أَفْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

Yang bermaksud; “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang mempersekutukan Allah, maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar.”

Berdasarkan ayat ini kita sangat dituntut menjauhi perbuatan syirik kerana perbuatan syirik adalah dosa yang tidak diampunkan dan menghalang doa kita



dimakbulkan oleh Allah Azzawajalla. Di samping itu, Imam al-Syafie juga berkata dalam kitab al-Umm bahawa sesungguhnya berdoa pada malam nisfu Syaaban adalah mustajab.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*

Orang yang bermusuhan tidak akan mendapat keampunan daripada Allah Taala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radhiyallahu anhu yang bermaksud: *“Sesungguhnya dibuka pintu-pintu syurga pada hari Isnin dan Khamis maka diampunkan setiap hamba yang tidak syirik kepada Allah dengan sesuatu kecuali bagi orang yang antara dia dan saudaranya saling bermusuhan. Lalu dikatakan: Tangguhkanlah dua orang ini sehingga mereka berdamai, tangguhkanlah dua orang ini sehingga mereka berdamai, tangguhkanlah dua orang ini sehingga mereka berdamai”*.

Berdasarkan hadis ini, jauhilah perbuatan bermusuh-musuhan sesama kita. Elakkan diri daripada bersengketa yang tidak berkesudahan. Tiada faedahnya kita berbalah khususnya sesama umat Islam. Damaikanlah segala perbalahan yang berlaku.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Taala

Kesimpulannya, kelebihan bulan Syaaban dan malam nisfu Sya'ban adalah sabit berdasarkan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Kita digalakkan memperbanyakkan amal ibadah seperti berpuasa, berzikir, berdoa dan memohon



keampunan daripada Allah Azzawajalla. Semoga Allah Azzawajalla memberi kita kekuatan dalam melaksanakan ibadah serta memelihara kita daripada melakukan perkara-perkara mungkar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَقُلْتُ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا

Yang bermaksud: “*Sehingga aku berkata (kepada mereka): ‘Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun’.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.